



**PRESIDEN dan Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad, Tan Sri Hamad Kama Plah Che Othman (empat dari kiri) yang menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat bersama Penasihat Agama Kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Abdullah Md. Zin (tiga dari kiri) yang menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Dakwah dan Pengurusan Islam, beramah mesra dengan para graduan yang menerima anugerah tertinggi USIM sewaktu majlis Konvokesyen Ke-12 Universiti Sains Islam Malaysia 2014 di Dewan Besar USIM, Nilai, Negeri Sembilan, semalam.**

## Dua graduan terima Anugerah Pelajaran Diraja

**SEREMBAN 15 Nov.** - Memberi tumpuan penuh semasa kuliah adalah formula yang digunakan oleh penerima Anugerah Pelajaran Diraja, **Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin**, 23, untuk membolehkan beliau bergiat aktif dalam aktiviti luar kelas.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan itu berkata, penyertaannya dalam pertandingan debat, menguruskan kelab dan aktiviti luar universiti menyebabkan beliau mempunyai masa yang terhad untuk mengulang kaji pelajaran.

Anak kepada pasangan pegawai polis dan suri rumah itu memberitahu, beliau perlu membahagikan masa dengan cekap bagi mengelakkan daripada tertinggal dalam pelajaran.

"Saya bukan ulat buku, sebab itu saya lebih suka fokus waktu kuliah supaya tidak ada bebanan dan memudahkan saya ulang kaji dan jawab peperiksaan," katanya kepada

para pemberita selepas Majlis Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kali ke-12 di Dewan Besar USIM dekat Nilai di sini hari ini.

Beliau adalah antara dua graduan yang menerima Anugerah Pelajaran Diraja yang disampaikan oleh Canselor USIM, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tunku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud pada majlis itu.

Mereka menerima pingat, sijil dan wang tunai RM5,000.

Seorang lagi penerima anugerah tersebut, **Noor Syuhadah Sudiro**, 23, membuktikan anak pengusaha tanaman cendawan sepertinya juga boleh mencapai keputusan cemerlang walaupun menghadapi pelbagai cabaran.

Beliau yang berasal dari Banting, Selangor tidak menyangka akan menerima anugerah tertinggi itu kerana sasaran utamanya hanya menamatkan pengajian kelas pertama.

"Berkat doa ayah dan emak dan menjaga hubungan baik dengan semua orang serta berdoa kepada Allah, segala usaha saya selama ini akhirnya mencapai kejayaan.

"Anugerah ini saya hadiahkan kepada ayah dan emak saya," katanya.

Anak ketujuh daripada 11 beradik itu lulus cemerlang dalam kursus Ijazah Sarjana Muda Komunikasi di USIM.

Katanya, cabaran paling getir sepanjang menuntut di USIM apabila dia dipulaukan segelintir rakannya menjelang pertengahan semester kerana didakwa terlalu menonjol dalam akademik.

Noor Syuhadah yang kini berkhidmat sebagai Pegawai Penyelidik Sosial, Kursi Kepimpinan Islam di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan memberitahu, dia bercita-cita menjadi seorang penyarah dan ingin berbakti semula di fakulti tersebut.